

Rangkaian baru pupuk kerjasama, wujud peluang kerja dalam industri halal

Diterajui Warees bersama tujuh rakan industri termasuk bank dan pasar raya

► **ATIYYAH MOHD SAID**
atiyyahm@sph.com.sg

WAREES Halal Limited (WHL) dan tujuh rakan industri yang termasuk bank dan pasar raya, telah melancarkan satu rangkaian baru untuk memupuk kerjasama dan mewujudkan peluang perniagaan dalam industri halal.

Diberi nama *Rangkaian Halal Warees*, ia bermatlamat menghimpunkan pemain industri setempat dan luar negara yang membolehkan perniagaan mengakses sumber dalam industri dan tambah nilai menerusi khidmat eksklusif, menurut satu kenyataan WHL semalam.

Tujuh rakan industri yang menjalin kerjasama itu ialah CIMB Bank Singapore, HAO Mart Pte Ltd, Persekutuan Kulinari Halal Singapura, Informa Markets, Maybank Singapore, Quirk Pte Ltd dan Swiss Re International SE, Cawangan Singapura.

Majlis pemeteraian itu diadakan di acara webinar – *Perspektif Halal: Peluang Dalam Masa Tidak Menentu* – yang dianjurkan oleh Warees dengan Informa Markets pada 17 November lalu.

Dalam kenyataannya selepas menyaksikan penandatanganan perjanjian itu, Encik Sallim Abdul Kadir, Pengerusi WHL, berkata:

“Pelancaran Rangkaian Halal Warees dan pemeteraian perjanjian kerjasama ini dengan pelbagai rakan menandakan satu pencapaian bagi Warees Halal serta komitmen kami terhadap industri halal.

“Bersama, kita dapat meningkatkan perniagaan untuk merangsang daya ketahanan dan memanfaatkan peluang baru yang boleh membantu mereka menjadi lebih kukuh selepas pandemik ini.”

pengetahuan dari pakar industri melalui saluran dari dalam dan luar talian.

Wadah itu juga diharap dapat membangunkan sebuah masyarakat yang membolehkan pemain industri dalam dan luar negara berhubungan, menyumbang idea dan pengalaman serta bekerjasama di samping menambah nilai pemain industri melalui khidmat eksklusif dan kadar diskaun.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kerjasama itu, Presiden Persekutuan Kulinari Halal Singapura, Encik Muhammad Abdullah, berkata:

“Kerjasama ini adalah langkah asas ke depan bagi industri kulinari dan halal dalam kita bekerja bersama untuk memperjuangkan piawaian mutu khidmat dan amalan terbaik untuk makanan dan minuman halal yang menyeluruh.”

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Bank Singapore, Encik Victor Lee Meng Teck, berkata terdapat jumlah perniagaan ber-

sijil halal yang semakin meningkat yang memerlukan modal bekerja sedang mereka meluaskan perniagaan dalam dan luar negara.

“Sebagai bank utama yang memberi tumpuan kepada Asean dan peneraju dalam kewangan Islam, CIMB bangga dapat bekerja sama dengan Warees Halal untuk membantu mereka dalam rancangan peluasan dan menyediakan akses kepada huraian modal bekerja,” ujar beliau.

MANFAAT SEBAGAI ANGGOTA

- Akses eksklusif kepada wadah pemadanan perniagaan dan menjalin rangkaian global
- Menerima maklumat terkini mengenai perkembangan dalam industri halal, di dalam dan luar Singapura
- Akses eksklusif kepada Perpustakaan Sumber Halal
- Akses kepada khidmat eksklusif dan kadar istimewa oleh Warees Halal dan rakan strategiknya dalam kegiatan perniagaan utama
- Pendaftaran diutamakan bagi acara dianjurkan bersama Warees Halal dan rakan strategiknya
- Penyenaraian dalam direktori keanggotaan dalam talian

Peluang dalam pasaran halal tidak boleh diandahkan, dengan industri makanan halal global dianggarkan bernilai AS\$1.4 trilion (\$1.8 trilion), dengan kadar pertumbuhan tahunan berkompau, 6.3 peratus.

Rangkaian itu yang merupakan skim berdasarkan keanggotaan, mempunyai tiga matlamat utama termasuk membangunkan sistem sokongan yang dipercayai untuk perniagaan mengakses kepada sumber, alat dan